

ELAK 'TERPERANGKAP'



AZMI
HASSAN

JIKA benar persepsi pada ketika ini yang menjurus kepada kepercayaan bahawa China mempunyai niat tersirat untuk menjajah Malaysia sama ada melalui kekuatan ekonomi atau ketenteraan mereka, maka sepatutnya pada 2015 apabila Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama-sama dengan Tentera Pembebasan Rakyat (PLA) China melakukan latihan ketenteraan sudah kedengaran bantahan daripada pihak tertentu.

Apa yang telah berlaku adalah latihan yang dinamakan 'Eksesais Keamanan dan Persahabatan 2015' yang dilaksanakan di Selat Melaka dari 17 hingga 22 September 2015 yang dianggap terbesar dalam kalangan negara ASEAN, berlaku tanpa peristiwa bantahan. Hujahnya adalah China dijadikan 'kambing hitam' pada hari ini hanyalah sebagai senjata untuk menyerang kerajaan demi mendapatkan manfaat politik.

Begitu jua apabila Malaysia menyertai proses bidaan pada Mei 2014 untuk menganjurkan Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9). Sepatutnya pihak yang membantah kehadiran peserta dari Israel di Kuala Lumpur dua minggu lepas ketika berlangsungnya forum tersebut membuat bantahan serupa pada Mei 2014. Mungkin juga pihak yang cuba menggambarkan bahawa hanya mereka yang sensitif dengan kehadiran peserta dari Israel memikirkan tidak mungkin Malaysia akan dipilih sebagai tuan rumah kerana proses pemilihan adalah begitu ketat dan sebab itu juga bantahan tidak dibuat.

Tetapi enam bulan selepas itu apabila Dr. Joan Clos, Pengarah Eksekutif Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu UN-Habitat mengumumkan kepada Datuk Abdul Rahman Dahlan yang pada ketika itu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Malaysia telah terpilih sebagai tuan rumah, tidak timbul juga bantahan daripada pihak berkenaan. Tidak mungkin juga berita penting ini terlepas pandang kerana kenyataan Clos yang memberi alasan mengapa Malaysia dipilih sebagai tuan rumah dan juga mengapa WUF9 dianggap penting telah mendapat perhatian bukan sahaja media tempatan tetapi juga dunia.



PESERTA dari pelbagai negara tidak melepaskan peluang untuk bergambar kenangan berlatar belakang Menara Berkembang Petronas sempena WUF9 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, 10 Februari lalu. - BERNAMA

Mengambil keadaan yang lebih ekstrem, jika kehadiran delegasi Israel walaupun di bawah naungan PBB dianggap satu pantang larang dasar luar Malaysia, maka tidak sepatutnya juga Kuala Lumpur bersama-sama dengan Israel dalam setiap persidangan anjuran PBB seperti UNGA umpamanya."

WUF9 dianggap begitu istimewa kerana kali terakhir forum ini dianjurkan oleh negara dari benua Asia ialah pada 2008 iaitu China dan rantau ini telah menyaksikan perkembangan penduduk bandar yang begitu pesat berbanding tempat lain dan UN-Habitat menganggap Malaysia sebagai tempat penganjuran yang tepat kena pada masanya. Begitu jua WUF9 kali ini berlangsung selepas dua agenda PBB mengenai habitat tamat iaitu Proses Agenda Pembangunan 2015 dan juga Persidangan Perumahan dan Pembangunan Bandar Lestari (Habitat III). Sebab itu dikatakan mustahil pengumuman yang berlaku tiga tahun lepas dan mendapat liputan meluas terlepas pandang oleh mereka yang membantah kehadiran delegasi Israel.

Perlu ditekankan WUF yang buat pertama kali bersidang pada 2002 di Nairobi, Kenya diasas-

kan melalui resolusi Perhimpunan Agung PBB (UNGA) 56/206 pada 2001 adalah forum teknikal yang tidak mempunyai kuasa perundangan dan diuruskan oleh UN-Habitat iaitu agensi PBB. Ini membawa maksud semua 193 ahli negara PBB dan ini termasuk Israel juga berhak menyertai forum PBB ini.

Kumpulan yang membantah kehadiran delegasi dari Israel menggunakan 'dalil' bahawa Malaysia yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel telah menyifatkan sebagai keputusan yang bercanggah dengan dasar luar berkaitan Palestin selama ini. Memang ada asas tuduhan tersebut tetapi jika hanya ditinjau dari sudut sempit dan membelakangi fakta dan proses yang telah bermula dari 2014 lagi dan sejarah penganjuran WUF, maka tuduhan tersebut dianggap berat sebelah dan tidak menggambarkan senario diplomasi geopolitik sebenar.

Kandungan resolusi UNGA 56/206 adalah sebahagian daripada terma perjanjian di antara UN-Habitat dan penganjur iaitu Malaysia di mana penyertaan adalah terbuka kepada semua negara ahli PBB. Oleh kerana surat jemputan dikeluarkan oleh UN-Habitat dan ditandatangani pengarah eksekutifnya dan Israel menerima pelawaan tersebut, maka mengikut terma perjanjian adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk melunaskan tawaran tersebut iaitu mengeluarkan visa bagi semua jemputan.

Sebab itu dihujahkan dalam sudut pandangan dunia diplomasi global yang lazim, tidak timbul isu keputusan Malaysia mengeluarkan visa kepada delegasi Israel

itu membawa maksud sebagai pendirian kerajaan Malaysia yang bercanggah dengan dasar luar yang pro-Palestin selama ini. Lain ceritanya jika yang menjemput adalah berpunca dari sebelah Malaysia. Mengambil keadaan yang lebih ekstrem, jika kehadiran delegasi Israel walaupun di bawah naungan PBB dianggap satu pantang larang dasar luar Malaysia, maka tidak sepatutnya juga Kuala Lumpur bersama-sama dengan Israel dalam setiap persidangan anjuran PBB seperti UNGA umpamanya.

Tetapi jika ditinjau kehadiran delegasi Israel yang diketuai oleh Timbalan Duta Israel ke PBB iaitu David Roet, ia boleh diibaratkan satu delegasi yang agak berpengaruh dari segi status diplomatiknya. Jika diperhatikan juga kandungan berita mengenai kehadiran delegasi Israel di Kuala Lumpur terutama sekali media dari Israel, persepsi yang boleh diunjurkan adalah Malaysia merupakan sebuah negara yang punya peranan penting dalam kemelut Palestin-Israel. Ada kemungkinan juga Israel mengambil peluang WUF9 untuk meninjau senario politik tempatan mengenai isu ini.

Bila digunakan ungkapan meninjau, ia membawa maksud kemungkinan isu kehadiran delegasi Israel juga mampu digunakan untuk menanam persepsi tidak baik terhadap kerajaan Malaysia dan seterusnya melemahkan pengaruh Malaysia dalam dunia negara Islam. Sebab itu beberapa kumpulan di Malaysia yang cuba meraih manfaat politik dalam hal kehadiran delegasi Israel jangan mudah terperangkap dengan strategi tersirat pihak ketiga.